



PENGARAH
INSTITUT TADBIRAN AWAM NEGARA (INTAN)
 Jabatan Perkhidmatan Awam Malaysia
 Jalan Bukit Kiara
 50480 Kuala Lumpur
 MALAYSIA
 Tel : +60(3) 2084 7887
 Faks : +60(3) 2093 9490
 Emel : mazlany@intanbk.intan.my
 Web : www.intanbk.intan.my



No. Rujukan Kami: INTAN/6/800-1/2/2014(7)
 Tarikh: 16 Jun 2014
 No. Telefon: 03-2084 7777
 No. Faks: 03-2093 4135

SEGERA DENGAN FAKS

YBhg. Datuk Himmat Singh a/l Ralla Singh
 Ketua Setiausaha
 Kementerian Kerja Raya
 Tingkat 5, Blok A
 Kompleks Kerja Raya
 Jalan Sultan Salahuddin
50580 KUALA LUMPUR



YBhg. Datuk,



*Datuk
23/6*



**JEMPUTAN MENGHADIRI PROGRAM INTAN-PPTD TALK 2014
 SEMPENA MESYUARAT AGUNG PPTD 2014**

Terlebih dahulu saya mendoakan agar YBhg. Datuk sentiasa dikurniakan kesihatan dan kesejahteraan yang berpanjangan. Selanjutnya izinkan saya merujuk kepada perkara tersebut di atas.

2. Untuk makluman YBhg. Datuk, selaras dengan kepentingan aspek kepimpinan dalam menerajui agenda transformasi negara, INTAN dengan kerjasama Persatuan Pegawai Tadbir dan Diplomatik (PPTD) akan menganjurkan INTAN-PPTD Talk 2014. Program ini bertindak sebagai medan mempertemu Pegawai Tadbir dan Diplomatik daripada pelbagai gred dan agensi kerajaan untuk berkongsi perspektif dan pengalaman berkaitan di samping dapat mempertaut jaringan kerjasama dalam kalangan peserta yang hadir.

*Sub (SM),
Sila usha.*

*(PPTD/INTAN)
n idaku
24/6/14*



*TKS (O)
24/6*

3. Sesi INTAN-PPTD *Talk* 2014 ini akan membahaskan tajuk **Kepimpinan di Era Transformasi**. Bagi membicarakan topik tersebut, penceramah yang telah diundang ialah **YM Dr. Tengku Naufal Tengku Mansor, perunding profesional** dalam bidang pengurusan dan pembangunan sumber manusia.

4. Sehubungan dengan itu, INTAN berbesar hati **menjemput YBhg. Datuk dan sekurang-kurangnya 10 orang Pegawai Tadbir dan Diplomatik** daripada kementerian YBhg. Datuk untuk menghadiri program berkenaan seperti butiran yang berikut:

Tarikh : 27 Jun 2014 (Jumaat)
Masa : 8.30 pagi hingga 10.00 pagi
Tempat : Auditorium INTAN Bukit Kiara
Aturcara : Seperti di Lampiran 1

5. Saya amat berbesar hati sekiranya pihak YBhg. Datuk dapat mengembalikan borang pengesahan kehadiran seperti di **Lampiran 2 sebelum atau pada 20 Jun 2014 (Jumaat)** bagi memastikan kelancaran pelaksanaan program. Sekiranya YBhg. Datuk memerlukan sebarang maklumat lanjut berhubung program ini, pegawai-pegawai berikut sedia membantu::

- i. **Puan Sukhinderjit Kaur Muker**
Perunding Latihan Kanan
Kluster Kepimpinan dan Pembangunan Eksekutif
No. Tel: 03-2084 7669/016-312 7562
No. Faks: 03-2092 2139
Emel: sukhinder@intanbk.intan.my
- ii. **Puan Zanariah binti Saibi**
Perunding Latihan
Kluster Kepimpinan dan Pembangunan Eksekutif
No. Tel: 03-2084 7769/013-258 3085
No. Faks: 03-2092 2139
Emel: zanariah@intanbk.intan.my

**ATUR CARA
INTAN-PPTD TALK 2014
27 JUN 2014 DI AUDITORIUM INTAN BUKIT KIARA**

- 8.00 pagi : Pendaftaran peserta
- 8.30 pagi : Ceramah "**Kepimpinan di Era Transformasi**" oleh
YM Dr. Tengku Naufal Tengku Mansor
DTE Consult Sdn. Bhd.
- 10.00 pagi : Minum Pagi